

21/04/2002

Libya minat pelajari cara Malaysia

Mohamad Azlan Jaafar

DALAM PESAWAT MH4802 (Ruang udara Arab Saudi): Libya sangat berminat mempelajari kejayaan Malaysia membangunkan negara, termasuk dalam pentadbiran, penggubalan dasar dan pengukuhan ekonomi tanpa bergantung kepada bantuan agensi asing.

Malah, pemimpin Libya Kol Muammar Gaddafi dalam ketiga-tiga pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatan rasmi dua hari ke negara itu yang berakhir semalam, bertanyakan formula kejayaan Malaysia untuk dilaksanakan negara itu.

Dr Mahathir berkata, Gaddafi sangat berminat terhadap Malaysia, terutama bagaimana kita boleh membangunkan negara dan berupaya menangani krisis kewangan dan mendapatkan pelaburan asing.

"Saya ada juga berjumpa pemimpin sesetengah negara yang menghadapi masalah ekonomi tapi tak ada satu soalan pun berkenaan macam mana kita mentadbir kita punya ekonomi tetapi dia nampak begitu berminat.

"Sehingga semalam dia dok tanya lagi macam mana kita buat dasar luar, macam mana kita boleh buat sesuatu yang dapat menolak agensi antarabangsa yang lebih berpengaruh dan masih berjaya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar dalam pesawat sewa khas Penerbangan Malaysia (MAS) MH4802 semalam.

Sidang akhbar itu diadakan ketika pesawat yang membawa Perdana Menteri dan delegasi Malaysia yang merangkumi Menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan berada pada paras 12,496 meter dari bumi, dalam perjalanan dari Lapangan Terbang Tentera Mitiga, Tripoli, Libya menuju ke Manama, Bahrain.

Perdana Menteri yang menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke Libya semalam, dalam rangka lawatan kerja dan rasmi selama tujuh hari ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Dr Mahathir mengadakan pertemuan ketiga dengan Gaddafi dalam tempoh dua hari, sesuatu yang mengejutkan delegasi Malaysia berikutan pemimpin Revolusi Al-Fateh berkenaan jarang bertemu ketua negara asing sekerap itu dalam tempoh yang singkat.

Dr Mahathir bertemu Gaddafi selama kira-kira 30 minit di salah sebuah khemah yang terdapat di Bab Al-Aziziah, kawasan yang dikawal ketat pengawal revolusi sebelum kembali ke hotel penginapannya, Hotel Al-Khabir jam 12.25 pagi semalam (waktu Libya).

Ketika sidang media itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah terbuka dan sedia memenuhi keperluan Libya.

"Kita sanggup bila-bila masa dia nak apa kita buat, kita sanggup bagi semua maklumat.

"Dia kata nak tahu mengenai undang-undang dan dasar berkenaan pelaburan, kita ada amalan berkaitan pelaburan asing termasuk macam mana kita adakan dialog dengan pelabur.

"Semua ini mereka ingin tahu dan kita akan bagi kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, Libya juga akan menghantar delegasi ke Malaysia bagi mengetahui dan mempelajari lebih lanjut keupayaan Malaysia terutama bidang ekonomi.

"Libya akan menghantar satu delegasi diketuai Menteri Ekonomi dan dia akan mempelajari semua mengenai pembangunan ekonomi. Semua itu kita akan bagi. Tiada rahsia," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada isu Palestin dan takrifan keganasan oleh Malaysia dibincangkan kedua-dua pemimpin, Perdana Menteri berkata, perkara itu

turut dibincangkan.

"Takrifan kita adalah betul tetapi sesetengah orang berkata Israel bukan pengganas dan orang yang mencintai keamanan.

"Ada orang berkata Ariel Sharon (Perdana Menteri Israel) ialah seorang yang mencintai keamanan tetapi jika Sharon dianggap mencintai keamanan, rakyat Palestin juga cintakan keamanan kerana mereka juga melakukan perkara sama.

"Jadi jika anda menerima Sharon membunuh penduduk Palestin terutama di Jenin yang mana kira-kira 200 orang awam terbunuh, jadi pengebom berani mati Palestin bukan pengganas sebaliknya mereka juga golongan cintakan keamanan," katanya sambil menambah, lebih buruk rakyat Palestin berjuang untuk negara mereka.

Sebaliknya Sharon kata Dr Mahathir berperang untuk menguasai Palestin.

"Jadi anda tak boleh memanggil seseorang itu sebagai cintakan keamanan manakala orang lain tidak cintakan keamanan," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika ada pihak ingin mengutuk ketegangan di Tebing Barat itu, mereka perlu mengutuk kedua-dua pihak atau langsung tidak perlu berbuat demikian.

Malah Dr Mahathir berkata, Gaddafi mahu sidang kemuncak diadakan bagi membincangkan perkara itu dan beliau sudah menghubungi pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi merealisasikan sidang itu secepat mungkin.

"Kita juga dihubungi supaya menghadiri mesyuarat di Doha selepas lawatannya ke Bahrain.

"Kita bersedia ke Doha tetapi ramai pemimpin lain tidak dapat hadir dan sidang itu sekali lagi terpaksa ditunda," katanya sambil menegaskan pada masa sama, lebih ramai rakyat Palestin terus dibunuh.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Gaddafi juga berminat mengetahui mengenai dinar emas dan kita menjelaskan ia bukan mata wang tempatan, sebaliknya digunakan bagi perdagangan antara negara.

"Libya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai perkara itu walaupun mereka belum memberikan persetujuan.

"Saya agak yakin akan ada bantahan tetapi kita memberitahu mereka tidak semestinya semua negara Islam menggunakan dinar emas itu," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan ia adalah dinar emas dan sesiapa saja boleh berdagang menggunakannya.

"Jika kita berjaya mendapatkan dua negara iaitu Malaysia dan sebuah negara lain bagi berdagang menggunakan dinar emas, itu adalah cukup baik," katanya.

Mengenai pandangannya mengenai Projek Great Man-Made River yang dilawati Dr Mahathir di Benghazi, Libya kelmarin, beliau berkata Malaysia boleh mempelajari beberapa perkara dari projek itu.

Katanya, di Malaysia, usaha menyediakan air mencukupi kepada penduduk sering dibantah pencinta alam sekitar yang mendapat arahan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di luar negara.

"Air dia nak tapi jangan buat. Jika mereka tak nak (menentang projek air) kita tidak payah memberi mereka air," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Mereka tak nak ni pasal mereka nak hutan. Kita tidak akan musnahkan hutan. Tetapi jika suka sangat hutan, mereka boleh tinggal di hutan."

Sementara itu, Dr Mahathir dan delegasi Malaysia tiba di Manama, Bahrain jam 1.35 petang dan ketibaannya disambut Perdana Menteri Bahrain Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa.

(END)